

E-visit

UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN (ICU) JABATAN PERDANA MENTERI

PENGENALAN

eVisit merupakan hasil inovasi ICU JPM bagi menggantikan proses manual permohonan secara manual perjalanan penjawat awam ke luar negara sama ada untuk urusan persendirian atau rasmi sehingga kelulusan kepada satu sistem on-line yang sistematik dan efisien mematuhi Surat Pekeliling Am Bil 3 Tahun 2012 dan Pekeliling Pentadbiran ICU JPM Bil 1/2012.

LAPORAN INOVASI

TUJUAN

- Untuk mewujudkan Sistem Permohonan Perjalanan Pegawai Awam ke Luar Negara atas Urusan Persendirian secara on-line, yang mesra pengguna, sistematik dan efisien untuk ICU JPM;
- Untuk mempercepat dan mempermudah proses permohonan sehingga kelulusan;
- Untuk mengelakkan keciciran memproses permohonan; dan
- Untuk menyimpan semua maklumat permohonan dan digunakan sebagai pelaporan bagi tujuan pemantauan kekerapan pegawai ke luar negara atas urusan persendirian

PROSES – IN HOUSE

Sistem e-Visit dibangunkan menggunakan kepakaran dalaman di peringkat NADI iaitu salah satu bahagian dibawah ICU JPM. Sehingga kini sistem e-Visit masih lagi diselenggara menggunakan kepakaran sendiri di peringkat ICU JPM

PROSES SEBELUM DAN SELEPAS

Sebelum sistem e-Visit dibangunkan, permohonan kakitangan ICU untuk ke luar negara adalah secara manual dan mengambil masa sehingga 14 hari untuk proses permohonan dan kelulusan. Sistem e-Visit membantu penjimatan masa proses permohonan dan status terkini permohonan kakitangan ICU untuk ke luar negara boleh dilihat melalui sistem e-Visit

IMPAK INOVASI

➤ INOVATIF/KREATIVITI

Sistem ini dibangunkan menggunakan konsep “traffic light system” dimana warna hijau kuning dan merah digunakan sebagai penanda aras atau indikator kepada status permohonan penjawat awam.

➤ KEBERKESANAN

- eVisit telah berjaya mengurangkan tempoh proses kerja permohonan daripada purata 11 hari kepada 7 hari. Selain itu, proses kerja dimudahkan iaitu daripada 13 proses kepada hanya lima (5) proses kerja sahaja seperti di jadual 2. Semasa proses kerja manual, penyediaan memo sangat terdedah kepada kesalahan format dan ejaan yang mana menambah kepada masa memproses permohonan.
- eVisit juga menyediakan penerangan ringkas mengenai perkaraperkara yang perlu diberi perhatian oleh pemohon sebelum mengisi borang permohonan dan juga maklumat pegawai yang boleh dirujuk secara on-line. Selain itu pengguna boleh merujuk Manual Pengguna yang disertakan di login page evisit

➤ SIGNIFIKAN

- eVisit memberi impak kepada organisasi kerana ia membantu pengurusan atasan ICU memproses maklumat permohonan dengan cepat dan berkesan, menyediakan kaedah yang

sistematik kepada urus setia antaranya fungsi off-line sistem jika berlaku kegagalan capaian sistem, KPI traffic light, pengesanan kekerapan permohonan dan laporan yang menarik.

- eVisit mengelak berlakunya kecaciran dengan adanya fungsi e-mel pemakluman kepada urus setia dan juga pengurusan atasan bagi setiap permohonan.
- eVisit juga menyimpan semua maklumat permohonan dan ia digunakan sebagai pelaporan bagi tujuan pemantauan kekerapan pegawai ke luar negara atas urusan persendirian dan lain-lain pelaporan yang berguna kepada pihak pengurusan atasan ICU JPM
- ICU menyokong kepada Green Connected Smart di bawah pelaksanaan Go Green di bangunan Kompleks A, JPM ini dengan mengurangkan penggunaan kertas.
- Pelaksanaan eVisit juga telah meningkatkan kepakaran dalaman di kalangan pegawai ICU JPM.

➤ RELEVAN

Sistem ini amat efisien bagi menggantikan proses permohonan penjawat awam untuk ke luar negara yang dilakukan secara manual sebelum ini. Sistem permohonan asal yang dilakukan secara manual juga adalah kurang mesra pengguna dan mengambil masa yang lama bagi sesuatu kelulusan.

PENGIKTIRAFAN

Setakat ini system e-Visit masih belum menerima sebarang pengiktirafan. Namun sistem yang dibangunkan ternyata berjaya mengurangkan kos dan menjimatkan proses berkaitan

PENUTUP

eVisit mengandungi maklumat permohonan dan insurans pegawai, sokongan oleh penyelia bahagian cawangan negeri, semakan dan pengesahan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) ICU JPM dan tindakan kelulusan di peringkat Pengurusan Atasan ICU JPM.

eVisit memberi impak kepada organisasi kerana digunakan oleh semua warga ICU JPM di ibu pejabat dan cawangan negeri. Selain itu, eVisit menjadi sumber rujukan Pengurusan Atasan ICU JPM dalam memantau kekerapan pegawai ke luar negara dengan lebih mudah dan cepat.

Dengan pelaksanaan eVisit, permohonan pegawai dapat direkodkan secara berpusat, teratur, proses kelulusan menjadi mudah dan keputusan juga diperolehi dengan cepat. Ini kerana eVisit menyediakan notifikasi e-mel kepada setiap permohonan yang dibuat, proses semakan, kelulusan dilakukan secara on-line serta ia mempunyai indikator KPI bagi setiap proses. Fungsi KPI ini merekodkan tempoh masa yang diambil bagi semua tindakan dan sistem akan memaparkan prestasi tindakan tersebut sama ada mengikut jadual atau lewat. Oleh yang demikian, urus setia dapat memantau peringkat kelewatan proses dan ia juga dapat menggalakkan proses kelulusan dibuat dengan segera.

Sistem ini berpotensi untuk diperluaskan kepada Agensi atau Jabatan lain kerana ia mudah di adaptasi mengikut keperluan prosedur dalaman jabatan.

Disediakan oleh:

Nama Pegawai/Unit Terlibat : Bahagian Ekonomi, ICU JPM

Tel. : 03-88723877

Emel : firdaus.manaf@icu.gov.my